# KEMENTERIAN KESIHATAN

**<u>PRESS INFO</u>**

## PENGEMBALIAN SEMULA PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN DI PUSAT-PUSAT KESIHATAN

**Bandar Seri Begawan, 07 Syawal 1443 / 08 Mei 2022 –** Berikutan dengan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dengan ini memaklumkan mengenai **pengembalian semula beberapa perkhidmatan** di pusat-pusat kesihatan yang akan bermula pada **hari Isnin, 08 Syawal 1443 bersamaan dengan 09 Mei 2022**.

Pengembalian dan pengoperasian semula beberapa perkhidmatan yang dipindahkan sementara pada sebelumnya adalah seperti beikut:

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Pusat Kesihatan</th><th>Perkhidmatan</th><th>Waktu Beroperasi</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Rimba</td><td rowspan="11">1. Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi:<br>o Klinik Penyakit Kronik<br>o Klinik Umum (General)<br>o Klinik Flu<br><br>2. Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Ibu<br>3. Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Anak<br>4. Perkhidmatan Pengambilan Darah<br>5. Perkhidmatan Farmasi<br>6. Perkhidmatan Permakanan Komuniti<br>7. Perkhidmatan Psikologi Klinikal Komuniti<br>8. Perkhidmatan Pergigian<br>9. Perkhidmatan Klinik Mata Komuniti<br>10. Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan<br>11. Klinik Nurse-Led</td><td rowspan="11">Isnin hingga Khamis & Sabtu:<br>07.45 pagi - 12.15 tengah hari<br>dan<br>1.30 petang - 4.30 petang</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Pusat Kesihatan Muara</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Pusat Kesihatan Pengkalan Batu</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kg Sg Asam</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Pusat Kesihatan Pekan Tutong</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Pusat Kesihatan Sg Kelugos</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Pusat Kesihatan Lamunin</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Pusat Kesihatan Telisai</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Pusat Kesihatan Sg Liang</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Pusat Kesihatan Seria</td></tr>
</table>

Bagi **Pusat Kesihatan Berakas,** berikut adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan:

| Perkhidmatan | Waktu Beroperasi |
|---|---|
| 1. Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi:<br>o Klinik Penyakit Kronik<br>o Klinik Umum (*General)*<br>o Klinik Flu<br><br>2. Perkhidmatan Pengambilan Contoh Darah<br>3. Perkhidmatan Farmasi<br>4. Perkhidmatan Permakanan Komuniti<br>5. Perkhidmatan Psikologi Klinikal Komuniti<br>6. Perkhidmatan Pergigian<br>7. Perkhidmatan Klinik Mata Komuniti<br>8. *Program* Pemeriksaan Kesihatan *Kebangsaan*<br>9. Klinik *Nurse-Led* | **Isnin hingga Khamis & Sabtu:**<br>07.45 pagi - 12.15 tengah hari<br>dan<br>1.30 petang - 4.30 petang |
| Klinik Perkhidmatan Selepas Waktu Bekerja | **Isnin hingga Khamis & Sabtu:**<br>6.00 petang - 9.00 malam<br><br>**Jumat, Ahad & Hari Kelepasan Awam:**<br>2.00 petang - 9.00 malam |

Sementara itu, **Perkhidmatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak** bagi Pusat Kesihatan Berakas adalah dikekalkan buat sementara waktu di lokasi berikut:

| Perkhidmatan | Lokasi perkhidmatan | Waktu Beroperasi |
|---|---|---|
| Klinik Kesihatan Ibu dan Anak | Tingkat 5, Block 2G<br>Kondominium Ong Sum Ping,<br>Jalan Ong Sum Ping | **Isnin hingga Khamis & Sabtu (kecuali hari kelepasan awam)**<br><br>7:45 pagi – 12:15 tengah hari<br>dan<br>1:30 petang – 4:30 petang |

Di samping itu, **Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi di Pusat Kesihatan Belait** masih ditangguhkan buat sementara waktu sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau layari laman sesawang www.moh.gov.bn.

**-TAMAT-**

Rujukan : KK/PR1

Tarikh : 07 Syawal 1443 / 08 Mei 2022